

**KLIP VIDEO INTERAKSI LISAN
SKRIP VIDEO DARJAH 1**

SKRIP VIDEO 1

Awak Tinggal di Mana?

No	Watak	Ujaran
1.	Hana	Hai Sarah! Awak tunggu bas sekolah di blok ini juga?
2.	Sarah	Ya. Saya tunggu bas sekolah di sini, Hana.
3.	Hana	Awak tinggal di blok ini, Sarah?
4.	Sarah	Tidak. Saya tinggal di blok 303.
5.	Hana	Awak tinggal di blok yang ada kedai kasut di bawahnya itu?
6.	Sarah	Ya, saya tinggal di situ.
7.	Sarah	Di bawah blok saya itu ada kedai bunga juga.
8.	Sarah	Awak tinggal di mana Hana?
9.	Hana	Saya tinggal di blok 314, Sarah.
10.	Sarah	Di depan blok awak ada sebuah taman permainan ?
11.	Hana	Betul, di situlah saya tinggal.
12.	Sarah	Oh, kalau begitu awak tinggal dekatlah dengan rumah saya!
13.	Hana	Ya.

SKRIP VIDEO 2

Boleh Saya Pinjam?

No	Watak	Ujaran
1.	Hana	Sarah, boleh saya pinjam pensel awak?
2.	Sarah	Awak tidak bawa pensel, Hana?
3.	Hana	Kotak pensel saya tertinggal di rumah.
4.	Sarah	Pakailah pensel saya ini.
5.	Hana	Terima kasih.
6.	Hana	Sarah, boleh saya pinjam pemadam awak juga?
7.	Sarah	Boleh, ambillah.
8.	Hana	Pemadam awak cantik. Di mana awak beli?
9.	Sarah	Di kedai buku sekolah kita.
10.	Hana	Saya pinjam ya...nanti saya pulangkan.
11.		Pause (Hana sedang menggunakan pemadam Sarah)
12.	Hana	Ini pemadam awak, terima kasih.
13.	Sarah	Awak sudah selesai menggunakannya?
14.	Hana	Sudah Sarah, terima kasih.
15.	Sarah	Awak boleh pinjam lagi kalau awak mahu.
16.	Hana	Saya masih boleh pinjam?
17.	Sarah	Boleh, awak kawan saya.

SKRIP VIDEO 3 Baju Kurung Biru

No	Watak	Ujaran
1.	Sarah	Nenek, ini album Nenek dan datuk, ya?
2.	Nenek	Ya, kenapa?
3.	Sarah	Ini gambar siapa, Nek?
4.	Nenek Minah	Inilah atuk Sarah, di sebelahnya pula ayah Sarah.
5.	Sarah	Nek, yang ini pula Pak cik Hasni? Rupanya sama seperti ayah.
6.	Kakak Rina	Pak cik Hasni dan ayah Sarah adik beradik ... sebab itulah rupa mereka serupa.
7.	Sarah	Yang ini pasti Nenek.
8.	Sarah	Cantik Nenek memakai baju kurung biru.
9.	Sarah	Yang duduk di pangku Nenek ini mesti Mak cik Hasnah.
10.	Nenek Minah	Pandai cucu Nenek. Ya, itulah mak cik Sarah.
11.	Sarah	Wah, Nek, semua orang suka pakai baju warna biru, ya!
12.	Nenek Minah	Waktu ayah Sarah masih kecil, atuk selalu suruh Nenek jahit baju kurung warna biru.
13.	Sarah	Hari raya tahun ini Ibu hendak menjahit baju kurung warna biru untuk Sarah, kakak dan abang.
14.	Sarah	Nenek hendak pakai baju kurung warna biru juga?
15.	Sarah	Sarah boleh suruh Ibu jahitkan untuk Nenek juga.
16.	Kaka Rina	Nampaknya Nek... raya tahun ini, kita semua akan memakai baju kurung sedondonlah.
17.	Sarah	Sedondon itu apa, Kak?
18.	Nenek	Sedondon itu maknanya sama warna.
19.	Kakak Rina	Sebab kita semua akan memakai baju kurung berwarna biru.

SKRIP VIDEO 4

Doktor Sarah

No	Watak	Ujaran
1.	Sarah	Selamat pagi, Nek. Selamat pagi, Ibu. Selamat pagi, Kakak.
2.	Ibu/Nenek	Selamat pagi Sarah.
3.	Ibu	Hari ini Sarah hendak minum air susu lagi?
4.	Sarah	Sarah hendak minum sahaja. Sarah tidak mahu makan.
5.	Kakak	Sarah, kita mesti bersarapan. Kita perlu alas perut.
6.	Sarah	Hmm...Sarah hendak minum air milo, boleh Ibu?
7.	Ibu	Boleh. Nanti ibu bancuhkan sebentar.
8.	Nenek	Sarah, ini ada roti telur dan roti bakar. Sarah hendak makan apa?
9.	Sarah	Sarah hendak makan roti kayalah Nek.
10.	Ibu	Ini milonya.
11.	Sarah	Terima kasih, Bu. Nenek, Ibu, Kakak jemput makan.
12.	Ibu	Jemput.
13.	Nenek	Silakan.
14.	Sarah	Ibu, boleh Sarah bawa roti telur ini ke sekolah?
15.	Ibu	Boleh. Tapi sekarang Sarah jangan banyak bercakap. Takut terbegek.
16.	Ibu	Rina hendak bawa roti telur ke sekolah juga?
17.	Kakak Rina	Boleh juga Ibu. Terima kasih Ibu. Ibu jangan letak timun, salad dan tomato tau!
18.	Sarah	Kak, kenapa tidak suka makan sayur-sayuran? Sayurkan ada Vitamin C.
19.	Kakak Rina	Yalah 'Doktor' Sarah. Sudah jangan banyak berbual. Makan dahulu. Nanti kita ke sekolah.
20.	Sarah/Kakak Rina	Kami pergi dahulu, Nek, Ibu.
21.	Ibu	Selamat jalan.
22.	Nenek	Hati-hati, ya.

SKRIP VIDEO 5

Cantiknya Ruang Tamu!

No	Watak	Ujaran
1.	Hana	Kita sudah selesai menulis cerita dan melukis ruang tamu... mari kita warnakan.
2.	Sani	Saya hendak warnakan lukisan ini dengan krayon.
3.	Hadi	Krayon? Nanti comotlah, Sani? Siapa hendak menggunakan krayon?
4.	Sani	Kita berhati-hatilah, Hadi.
5.	Hana	Kita boleh menggunakan kedua-dua pensel warna dan krayon...
6.	Sani	Setuju, kita menggunakan kedua-duanya.
7.	Sarah	Baiklah, mari kita warnakan.
8.	Sani	Saya hendak warnakan langsir ini dengan krayon warna biru.
9.	Hana	Sofa kita warna biru, langsir warna biru jugakah?
10.	Hadi	Di rumah saya ada langsir dan sofa sama warnanya, tau!
11.	Sani	Bagaimana kalau kita mewarnakan langsir dengan warna kuning?
12.	Sarah	Boleh, cantik!
13.	Hadi, Hana	Tentu boleh, kami setuju
14.	Hana	Selepas ini, boleh tak kita mewarnakan alas meja ini dengan warna... jingga, pula?
15.	Hadi	Boleh, saya setuju.
16.	Sarah	Eh, pasu bunga ini belum diwarnakan lagilah.
17.	Sani	Oh! Bagaimana kalau kita mewarnakannya dengan warna hitam?
18.	Hana, Sarah, Hadi	Warna hitam? Gelaplah, Sani.
19.	Sani	Kalau begitu, kita warnakan dengan warna hijau.
20.	Hana	Bunganya kita boleh mewarnakan dengan warna merah.
21.	Sarah	Baiklah, mari kita warnakan sama-sama.
22.	Hana	Wah, cantiknya gambar kita ini, macam warna pelangi!

SKRIP VIDEO 6

Aktiviti di Rumah

No	Watak	Ujaran
1.	Sarah	Cikgu menyuruh kita menampal gambar-gambar ini di petak yang sesuai.
2.	Hana	Mari kita buat sama-sama.
3.	Lina	Kita pilih dan susun dahulu gambar yang sesuai mengikut bahagian rumah.
4.	Farah	Kemudian, barulah kita tampal gambar-gambarnya.
5.	Sarah	Kita mencuci pinggan di dapur.
6.	Farah	Betul...letakkan gambar itu di petak dapur.
7.	Hana	Saya ada gambar orang sedang melipat baju...boleh kita letakkan di petak ruang tamu?
8.	Lina	Saya lihat emak saya sering melipat baju di bilik tidur.
9.	Sarah	Mana yang lebih sesuai?
10.	Lina	Saya lebih suka kita meletakkannya di petak bilik tidur.
11.	Sarah	Mengapa, Lina?
12.	Lina	Sebab baju kita akan dilihat oleh tetamu.
13.	Sarah	Awak setuju, Hana?
14.	Hana	Betul juga cakap Lina...saya setuju.
15.	Hana	Gambar orang sedang memasak nasi kita letak di petak dapur.
16.	Lina	Gambar memberus lantai dan mengelap dinding kita letakkannya di petak tandas.
17.	Sarah	Setuju! Barulah tandas berbau wangi.
18.	Farah	Saya ada gambar mengelap televisyen dan menyusun kusyen...kita letakkannya di petak ruang tamu.
19.	Sarah	Ha...inilah gambar yang akan saya letak di tempat yang paling saya suka.
20.	Lina, Farah dan Hana	Gambar apa tu, Sarah?
21.	Sarah	Mengemas katil di bilik tidur.
22.	Hana	Mari kita tampalkan gambar – gambar ini semua.

SKRIP VIDEO 7

Warna-warni

No	Watak	Ujaran
1.	Hana	Sarah, semalam saya ke Marina bermain layang-layang.
2.	Sarah	Awak ke sana dengan siapa?
3.	Hana	Saya pergi bersama keluarga saya.
4.	Sarah	Awak beli layang-layang di situ?
5.	Hana	Saya tidak membelinya. Ayah saya yang membuat layang-layang itu. Lihat gambar ini.
6.	Sarah	Tentu besar layang-layang awak itu?
7.	Hana	Ya, layang-layang saya besar dan berwarna-warni.
8.	Sarah	Ramai orang bermain layang-layang di situ?
9.	Hana	Ya, ramai. Mereka gembira bermain layang-layang.
10.	Sarah	Tentu banyak jenis layang-layang di situ.
11.	Hana	Betul Sarah, ada yang besar dan kecil. Ada berbentuk ikan, kapal dan bermacam-macam warna.
12.	Sarah	Tentu layang-layang awak terbang tinggi.
13.	Hana	Ya, Sarah. Angin bertiup kencang. Layang-layang saya terbang tinggi sekali. Awak buat apa pada minggu lepas?
14.	Sarah	Saya ke kelas lukisan. Kelas lukisan di kolong blok kita.
15.	Sarah	Hana, Saya belajar menggunakan cat air (water colour).
16.	Hana	Cat air? Bukankah kita menggunakan pensel warna?
17.	Sarah	Ya, di sekolah kita menggunakan pensel warna. Tetapi di sini saya belajar menggunakan cat air.
18.	Hana	Saya rasa susah hendak menggunakan cat air.
19.	Sarah	Mula-mula susahlah... tetapi selepas itu tidak susah lagi.
20.	Hana	Awak melukis gambar apa, Sarah?
21.	Sarah	Saya melukis taman bunga. Saya melukis bunga melur, mawar dan orkid.
22.	Hana	Wah, berwarna-warnilah lukisan awak itu.
23.	Sarah	Mestilah, ada warna merah, putih, kuning dan banyak lagi.
24.	Hana	Layang-layang saya berwarna-warni, lukisan awak pun berwarna-warni.
25.	Hana	Hujung minggu kita berwarna-warnilah!

SKRIP VIDEO 8

Di Mana Ibu dan Kakak?

No	Watak	Ujaran
1.	Mak cik	Anak cari siapa?
2.	Sarah	Saya mencari Ibu dan Kakak Rina saya.
3.	Mak cik	Siapa nama anak?
4.	Sarah	Nama saya, Sarah, Mak cik.
5.	Mak cik	Sudah berapa lama Sarah tunggu di sini?
6.	Sarah	Sudah lama. Sudah setengah jam.
7.	Makcik	Anak tinggal di mana?
8.	Sarah	Saya tinggal di Tampines, mak cik.
9.	Mak cik	Sarah ada nombor telefon Kakak atau Ibu Sarah?
10.	Sarah	Ya, saya ada nombornya.
11.	Mak cik	Mari kita telefon.
12.	Sarah	Tidak ada jawapanlah, Mak cik.
13.	Mak cik	Mari kita ke kaunter informasi.
14.	Sarah	Kita hendak buat apa di sana, Mak cik?
15.	Mak cik	Mak cik hendak ajak Sarah ke kaunter informasi. Pegawai di situ boleh membantu Sarah berjumpa semula dengan Kakak dan Ibu Sarah. Mari ...
16.	Sarah	Bagaimana mereka boleh mencari Ibu dan Kakak Rina saya?
17.	Mak cik	Mereka boleh membuat pengumuman.
18.	Sarah	(Sarah terus melihat sekeliling. Tiba-tiba ternampak kakaknya). Itu Kakak Sarah. Kakak...(Mukanya kelihatan gembira)
19.	Kakak Rina	Terima kasih ya, Mak cik. Sarah ke mana Sarah pergi? Puas Kakak dan Ibu mencari Sarah. Mari kita cari Ibu.

SKRIP VIDEO 9

Bersihnya!

No	Watak	Ujaran
1.	Hadi	Abang Dani, boleh bantu Hadi mengemas bilik?
2.	Dani	Boleh, mari kita buat bersama-sama.
3.	Hadi	Terima kasih, Bang.
4.	Dani	Hadi, mengapa baju-baju ini semua berselerak sahaja dalam almari?
5.	Hadi	Semalam, Hadi hendak mencari seluar bola tetapi tidak jumpa.
6.	Dani	Jadi, Hadi bongkarlah almari ini. Bukankah ibu sudah melipat pakaian Hadi dengan baik.
7.	Hadi	Hadi lupa hendak mengeluarkan seluar bola sebelum tidur.
8.	Dani	Lain kali, sediakan apa yang hendak dibawa lebih awal. Jadi, tidaklah kelam-kabut.
9.	Hadi	Baiklah, Bang.
10.	Dani	Abang tolong Hadi kemas baju dan seluar ini. Hadi pula kemas buku-buku itu.
11.	Hadi	Saya, Abang.
12.	Hadi	Bang, buku-buku ini terlalu banyak. Tidak muat untuk diletakkan di rak-rak ini.
13.	Dani	Buku-buku cerita yang Hadi tidak mahu baca lagi jangan letakkan di situ.
14.	Hadi	Bang, kita boleh mendermakan buku-buku ini kepada orang lain.
15.	Dani	Bagus cadangan Hadi itu. Kita boleh mendermakannya kepada pusat jagaan kanak-kanak.
16.	Dani	Ya, Bang. Buku-buku lama ini pun untuk kanak-kanak 5 atau 6 tahun.
17.	Hadi	Ibu tentu gembira Hadi mahu mendermakan buku-buku itu.
18.	Dani	Hadi masukkan buku-buku ini dalam kotak, ya.
19.	Hadi	Baiklah, Bang.
20.	Dani	Hadi, Abang sudah susun baju dan seluar berasingan. Hadi jangan selerakkan lagi.
21.	Hadi	Baiklah Bang. Kasihan Ibu...ya... Bang. Baju yang Ibu sudah lipat, Hadi selerakkan.
22.	Dani	Macam itulah adik Abang... mesti bertimbang rasa.
23.	Hadi	Selepas ini, Hadi belanja Abang makan aiskrim tapi...aiskrim lima puluh sen saja.
24.	Dani	Lima-puluh sen pun...lima puluh senlah. Terima kasih Hadi.
25.		Mereka ketawa bersama-sama.

SKRIP VIDEO 10

Si Putih dan Si Bulat

No	Watak	Ujaran
1.	Hana	"Hmm...saya hendak tanya Sarah tentang binatang kesayangannya". Sarah awak bawa gambar kucing kesayangan awak? Hari ini kita harus bercerita di kelas tentang binatang kesayangan.
2.	Sarah	Jangan takut...ada. Lihat, inilah gambar kucing saya.
3.	Hana	Sarah,kucing ini namanya Putihkah? Bulunya sungguh putih.
4.	Sarah	Ya, yang ini namanya Putih.
5.	Hana	Bagaimana kita memelihara kucing?
6.	Sarah	Kita harus memberinya makan, tempat tidur dan mandikan kucing kita juga.
7.	Hana	Kucing pun perlu mandi?
8.	Sarah	Ya, kalau tidak bulunya kotor, ada kuman dan ia boleh jatuh sakit.
9.	Hana	Berapa kali kita perlu mandikan kucing kita?
10.	Sarah	Saya mandikan kucing saya seminggu sekali sahaja. Hari yang lain saya lap sahaja bulunya.
11.	Hana	Sarah, kucing awak yang ini, agaknya bernama Bulat kerana badannya bulat?
12.	Sarah	Betul tekaan awak, Hana. Namanya Bulat.
13.	Hana	Kucing awak makan apa, Sarah?
14.	Sarah	Saya beri kucing saya makan ikan dan nasi.
15.	Hana	Kucing boleh makan makanan kitakah?
16.	Sarah	Boleh. Emak saya juga beli makanan khas untuk kucing.
17.	Hana	Makanan khas untuk kucing? Makanan apa itu?
18.	Sarah	Makanan yang dijual di dalam tin.
19.	Hana	Oh, kalau begitu ada makanan segera untuk kucing juga ya?
20.	Sarah	Betullah itu.
21.	Hana	Bulat tentu suka makan, ya Sarah?
22.	Sarah	Bulat memang suka makan dan banyak minum susu.
23.	Sarah	Bulat suka makan nasi dan ikan goreng. Si Putih pula suka makanan khas untuk kucing.
24.	Hana	Hai, pandai Si Putih jaga makan. Kucing pun pandai diet.

SKRIP VIDEO 11 Taman Permainan

No	Watak	Ujaran
1.	Hana	Mari kita bincangkan kerja yang cikgu berikan tadi.
2.	Sarah	Hana, bagaimana kita hendak menjaga taman permainan ini?
3.	Hana	Sarah, pertama, kita mesti menjaga kebersihannya.
4.	Sarah	Ya, saya setuju. Kita tidak boleh membuang sampah sembarangan.
5.	Hana	Kalau kita tambah tong sampah di kawasan taman permainan ini, boleh Sarah?
6.	Sarah	Mengapa, Hana?
7.	Hana	Kalau ada tong sampah yang cukup, tentulah kanak-kanak tidak membuang sampah sebarangan.
8.	Sarah	Ya, saya setuju, kita cadangkan, ya.
9.	Hana	Sarah, ada bangku di taman permainan ini yang diconteng. Jongkang-jongket juga diconteng.
10.	Sarah	Ada orang menconteng?
11.	Hana	Ya, mereka menulis nama dan melukis bermacam-macam gambar.
12.	Sarah	Mereka tidak bertimbang rasalah.
13.	Hana	Bagaimanakah kita dapat hentikan supaya orang tidak mencontengnya?
14.	Sarah	Ha, kita cadangkan supaya ada papan tanda melarang menconteng.
15.	Hana	Kalau ada tanda saman lagi bagus.
16.	Sarah	Baiklah, kita cadangkan kedua-duanya.
17.	Sarah	Hana, taman permainan juga harus digunakan oleh kanak-kanak sahaja.
18.	Hana	Ada permainan yang hanya untuk kanak-kanak hingga 6 tahun sahaja.
19.	Sarah	Oh, ya...ada pula permainan untuk kanak-kanak yang berumur 12 tahun!
20.	Hana	Tetapi bukan kanak-kanak saja yang bermain di situ.
21.	Sarah	Boleh saya menulis permainan yang ada di taman itu untuk kanak-kanak sahaja?
22.	Hana	Ya, boleh... supaya permainan itu tidak rosak.
23.	Sarah	Mari kita semak apa yang sudah kita tulis.
24.	Hana	Mari kita tulis nama kita dan tarikh pada kertas ini.
25.	Sarah	Loceng sudah berbunyi, mari kita pergi beratur.

SKRIP VIDEO 12

Kemudahan Kita

No	Watak	Ujaran
1.	Sarah	Cikgu menyuruh kita berbincang mengenai kemudahan di estet kita. Mari kita mulakan.
2.	Hana	Kita harus lukis dan tulis nama tempat. Kemudian terangkan untuk apa?
3.	Sani	Berapa banyak kemudahan yang kita harus berikan?
4.	Hadi	Enam kemudahan sahaja.
5.	Hana	Mari kita sama-sama memilih dahulu enam kemudahan.
6.	Sani	Saya setuju. Selepas itu barulah kita melukis gambarnya.
7.	Hadi	Kemudian kita menerangkan kegunaan tempat itu, ya kawan-kawan.
8.	Sarah	Hana awak hendak mulakan dahulu?
9.	Hana	Baiklah, saya memilih sekolah. Awak pula Sarah?
10.	Sarah	Saya pula memilih klinik, boleh kawan-kawan?
11.	Hadi	Boleh. Saya memilih taman permainan.
12.	Sani	Saya pula mahu memilih kedai runcit.
13.	Sarah	Ada lagi dua kemudahan. Siapa mahu berikan lagi?
14.	Hadi	Saya...saya. Saya hendak memilih pasar atau pasar raya?
15.	Hana	Hadi yang mana satu awak hendak?
16.	Hadi	Ibu saya suka ke pasar raya kerana bersih dan berhawa dingin.
17.	Hana	Tapi Emak saya suka ke pasar biasa kerana harganya lebih murah dan boleh ditawar.
18.	Sani	Saya setuju, saya setuju.
19.	Hana	Setuju yang mana?
20.	Sani	Oh ya, pasar biasalah! Saya suka mengikut Emak saya ke pasar.
21.	Sarah	Baik kalau kita letakkan kedua-duanya pasar dan pasar raya, setuju?
22.	Hana dan Hadi	Kami setuju.
23.	Sarah	Sudah ada lima, lagi satu kawan-kawan. Kalau kita letakkan perpustakaan boleh?
24.	Hadi	Boleh. Kita semua suka membaca.
25.	Sani	Mari kita melukis gambar-gambarnya. Kemudian, kita terangkan kegunaannya.

**KLIP VIDEO INTERAKSI LISAN
SKRIP VIDEO DARJAH 2**

SKRIP VIDEO 1 Sedapnya!

No	Watak	Ujaran
1.	Anita	Terima kasih kerana awak datang ke rumah saya, Mastura.
2.	Mastura	Sama-sama, Anita.
3.	Anita	Awak datang dengan siapa?
4.	Mastura	Ayah dan Ibu menghantar saya ke sini. Tetapi, mereka terpaksa pergi kenduri di rumah mak cik saya..
5.	Anita	Oh, tidak mengapalah.
6.	Mastura	Ibu saya memasak agar-agar ini untuk kita.
7.	Anita	Sedapnya. Saya memang suka makan agar-agar. Terima kasih, Mastura.
8.	Anita	Ibu saya menyediakan epok-epok. Awak suka makan epok-epok, saya suka makan agar-agar.
9.	Mastura	Kita bertukar-tukar makanan kegemaran.
10.	Anita	Ayuh kita ke tempat barbeku!
11.	Mastura	Ayuh, Anita!
12.	Anita	Ayah, Ibu, ini Mastura, kawan saya.
13.	Mastura	Apa khabar, Mak Cik Hasnah?
14.	Emak Anita	Khabar baik. Ayah dan ibu Mastura tidak datang?
15.	Mastura	Mereka pergi kenduri di rumah mak cik. Mereka sampaikan salam.
16.	Ayah Anita	Oh, begitu! Tetapi kami suka Mastura dapat datang.
17.	Mastura	Pak Cik Hasan sedang buat apa?
18.	Ayah Anita	Oh, Pak cik sedang memanggang sosej dan ayam. Di atas meja itu ada makanan yang sudah tersedia. Jemputlah makan. Jangan malu-malu.
19.	Mastura	Terima kasih, Pak cik. Pak cik, Mak cik, jemput makan.
20.	Ibu Anita	Anita, ambulkan makanan dan minuman untuk Mastura.
21.	Anita	Baiklah, Ibu.
22.	Anita	Mastura, awak hendak makan apa? Saya boleh tolong ambulkan.
23.	Mastura	Tidak mengapa, Anita. Saya boleh ambil sendiri.
24.	Anita	Marilah makan sama-sama.
25.	Mastura	Terima kasih Anita. Awak sungguh baik.

SKRIP VIDEO 2

Sepatu Roda

No	Watak	Ujaran
1.	Rudi	Saiful, apa khabar?
2.	Saiful	Khabar baik. Awak hendak ke mana Rudi?
3.	Rudi	Saya hendak ke kedai sepatu roda bersama ayah saya.
4.	Saiful	Awak hendak beli apa?
5.	Rudi	Saya hendak membeli alat keselamatan. Saiful apakah alat keselamatan yang kita harus pakai?
6.	Saiful	Kita harus memakai pelindung siku dan lutut semasa bermain sepatu roda.
7.	Rudi	Mengapa perlu menutup siku dan lutut?
8.	Saiful	Kalau kita jatuh siku dan lutut kita tidak luka.
9.	Rudi	Bagaimana dengan kepala pula?
10.	Saiful	Kita memakai topi.
11.	Rudi	Kita pakai topi apa Saiful?
12.	Saiful	Kita pakai topi keledar.
13.	Rudi	Topi keledar seperti orang naik motosikal?
14.	Saiful	Seperti itulah. Topi ini juga boleh dipakai semasa menunggang basikal.
15.	Rudi	Itu sahaja yang perlu kita pakai semasa bermain sepatu roda?
16.	Saiful	Kita juga harus memakai sarung tangan supaya tidak cedera teruk.
17.	Rudi	Terima kasih ya.
18.	Saiful	Sama-sama.
19.	Rudi	Saya jalan dulu, ya.

SKRIP VIDEO 3

Sihat dan Cergas

No	Watak	Ujaran
26.	Mastura	Kawan-kawan, mari kita bincangkan makanan yang menyihatkan.
27.	Anita	Er...saya rasa sayuran-sayuran ialah makanan yang sihat.
28.	Anita	Sayuran-sayuran mengandungi banyak vitamin. Tubuh kita memerlukan vitamin.
29.	Saiful	Saya setuju. Saya tulis...ya.
30.	Mastura	Selain sayur-sayuran, ikan juga makanan sihat. Ikan mengandungi banyak khasiat.
31.	Rudi	Tapi kalau ikan goreng tidak berkhasiatlah. Ikan kukus memang berkhasiat.
32.	Saiful	Saya setuju. Emak saya kata ikan goreng berminyak. Jadi saya tulis ikan kukus...ya, kawan-kawan.
33.	Anita	Ya, makanan berminyak, berlemak tidak baik untuk kesihatan.
34.	Mastura	Kita tidak boleh makan aiskrim, kek dan gula-gulalah?
35.	Saiful	Boleh, tapi tidak terlalu banyak kerana banyak gula.
36.	Rudi	Pandai...pandai Saiful! Awak boleh tulis.
37.	Rudi	Bagi saya pula, buah-buahan ialah makanan yang sihat. Buah oren dan betik mengandungi vitamin C. Kata Cikgu, vitamin C baik untuk tubuh kita.
38.	Mastura	Nasi pun merupakan makanan yang sihat. Nasi beri kita tenaga.
39.	Saiful	Tapi, tidak bolehlah sampai berpinggan-pinggan.
40.	Mastura	Kata Cikgu, kita mesti makan makanan yang seimbang.
41.	Anita	Susu juga baik untuk kesihatan. Susu ada kalsium untuk menguatkan tulang kita. Dua gelas cukup untuk sehari.
42.	Saiful	Semasa saya kecil, saya minum susu ibu. Awak semua minum susu apa?
43.	Rudi	Saya minum susu dalam tin.
44.	Anita	Saya pun minum susu dalam tin.
45.	Saiful	Saya seorang sahaja yang minum susu asli. Susu ibu. Ibu, ibu, engkaulah ... (menyanyikan lagu Ibu)
46.	Rudi	Yalah... anak emak. Awak sudah tulis?
47.	Saiful	Alamak, banyak yang belum!
48.	Ramai-ramai	Ha...ha...ha..ha..., nyanyilah lagi.
49.	Mastura	Cepatlah tulis. Kami bantu awak.

SKRIP VIDEO 4

Mari Bersukan

No	Watak	Ujaran
1.	Mastura	Eh, kawan-kawan, sukan apakah yang harus kita pilih? Kita perlu siapkan poster ini sebelum loceng berbunyi.
2.	Rudi	Kita pilih bola sepak, boleh kawan-kawan?
3.	Amir	Saya setuju Rudi.
4.	Saiful	Bola sepak sukan kegemaran saya juga.
5.	Mastura	Boleh kita pilih sukan lain?
6.	Rudi	Mastura, kalau kita pilih sukan bola sepak, ramai pelajar yang akan suka pada poster kita.
7.	Mastura	Bola sepak hanya untuk murid lelaki sahaja. Bagaimana pula dengan murid perempuan?
8.	Saiful	Mastura, sekarang... orang perempuan pun suka bermain bola sepak.
9.	Amir	Tapi, tidak semua yang suka. Ramai yang suka sukan lain.
10.	Mastura	Ya, di sekolah kita ada sukan badminton, hoki dan renang untuk murid perempuan juga.
11.	Mastura	Bagaimana kalau kita pilih beberapa sukan untuk poster kita?
12.	Saiful	Banyaklah gambar yang kita harus cari.
13.	Rudi	Gambar sukan apa yang kita ada?
14.	Mastura	Kalau begitu, kita pilih sukan badmintonlah, boleh?
15.	Amir	Mengapa awak pilih sukan badminton?
16.	Mastura	Sukan badminton sukan yang popular di sekolah kita.
17.	Saiful	Kita ada banyak gambar sukan badminton. Boleh kita tampal di poster kita ini.
18.	Amir	Baiklah, kita pilih badminton.
19.	Rudi	Kalau semua sudah bersetuju, mari kita mulakan.
20.	Amir	Saya akan menggunting gambar-gambar yang telah dipilih dan tampal pada poster.
21.	Rudi	Saya akan memikirkan perkataan-perkataan yang boleh ditulis pada poster.
22.	Saiful	Setelah selesai, saya akan tampal poster di dinding.
23.	Mastura	Wah, jika semua anggota bekerjasama, pasti kita boleh selesaikan poster ini sebelum loceng berbunyi.

SKRIP VIDEO 5

Jiran Baharu

No	Watak	Ujaran
1.	Malisa	Apa khabar? Saya Malisa. Ini adik saya, Amir.
2.	Farhanah	Khabar baik. Saya Farhanah. Ini adik saya, Farhan.
3.	Farhanah	Kami baru sahaja berpindah di sini. Dahulu kami tinggal di Estet Maju.
4.	Malisa	Awak bersekolah di mana, Farhanah?
5.	Farhanah	Sekarang saya masih bersekolah di Sekolah Rendah Maju. Tahun hadapan, saya akan berpindah ke Sekolah Rendah Jaya.
6.	Malisa	Baguslah. Saya juga bersekolah di Sekolah Rendah Jaya. Bolehlah kita pergi ke sekolah bersama-sama tahun hadapan.
7.	Farhan	Amir, awak bersekolah di Sekolah Rendah Jaya juga?
8.	Amir	Ya, sama seperti kakak saya.
9.	Farhan	Awak dalam darjah berapa sekarang?
10.		Saya dalam Darjah 2.
11.	Amir	Saya juga Darjah 2. Bagusnya, kita boleh ke sekolah bersama-sama.
12.	Farhan	Awak suka main apa, Amir?
13.	Amir	Saya suka mengayuh basikal. Awak, Farhan?
14.	Farhan	Saya pun suka berbasikal. Bolehlah kita berbasikal bersama-sama.
15.	Amir	Tentu seronok. Saya tidak sabar untuk berbasikal dengan awak, Farhan.
16.	Farhanah	Yalah tu. Sebelum main basikal, jangan lupa tolong Ibu dan buat kerja sekolah.
17.	Farhan	Ya Kak, Farhan akan buat kerja sekolah dahulu. Selepas itu baharulah Farhan bermain basikal dengan Amir.
18.	Malisa	Oh, lupa saya! Ini ada kuih lepat ubi ...emak saya buat untuk keluarga awak Farhanah.
19.	Farhanah	Terima kasih Malisa. Marilah masuk ke rumah kami.
20.	Farhan	Ya...jemputlah masuk.
21.	Amir	Terima kasih Farhan.

SKRIP VIDEO 6

Tumpang Tanya?

No	Watak	Ujaran
1.	Farhan	Maafkan saya, boleh saya tumpang bertanya?
2.	Sani	Boleh.
3.	Farhan	Di mana blok 700? Saya baru berpindah di sini.
4.	Sani	Oh, awak tersesat jalankah? Awak sekarang berada di Koven Avenue 35.
5.	Farhan	Saya tinggal di Koven Avenue 45. Kalau begitu, rumah saya jauhlah dari sini?
6.	Farhan	Bagaimanakah caranya untuk saya ke Koven Avenue 45?
7.	Sani	Awak sekarang berada di hujung Koven Ave 35. Untuk ke blok 700, awak perlu berpatah balik.
8.	Farhan	Berpatah balik?
9.	Sani	Ya, awak perlu berpatah balik. Awak jalan terus ke hadapan. Sampai di lampu trafik, awak belok ke kiri.
10.	Farhan	Belok ke kiri bila sampai di lampu trafik?
11.	Sani	Ya. Selepas belok ke kiri awak terus jalan ke hadapan.
12.	Farhan	Selepas belok kiri saya jalan terus?
13.	Sani	Awak akan nampak blok 667, 668, 669. Sebelah blok 669 ada taman.
14.	Sani	Ya, di situlah saya tinggal bersebelahan taman.
15.	Farhan	Ya, betul-betul itu. Selepas taman ada blok 700.
16.	Sani	Terima kasih kerana membantu saya.
17.	Farhan	Sama-sama.

VIDEO 7 Cita-cita

No	Watak	Ujaran
1.	Mastura	Anita, awak sedang membaca buku apa itu?
2.	Anita	Buku mengenai fesyen. Saya suka dengan pakaian-pakaian ini.
3.	Mastura	Awak hendak menjadi seorang pereka fesyen?
4.	Anita	Ya, itulah cita-cita saya. Bunga-bunga yang ada di sapu tangan ini, sayalah yang menjahitnya.
5.	Mastura	Siapakah yang mengajar awak menjahit?
6.	Anita	Ibu saya.
7.	Mastura	Adakah ibu awak seorang pereka fesyen juga?
8.	Anita	Tidak, ibu saya mengambil upah menjahit baju sahaja.
9.	Anita	Apakah cita-cita awak, Mastura?
10.	Mastura	Saya hendak menjadi pembuat kek. Saya mahu membuka kedai kek.
11.	Anita	Adakah ibu awak menjual kek juga?
12.	Mastura	Tidak. Mak cik saya yang menjual kek. Mak cik saya menjual kek dari rumah sahaja.
13.	Anita	Awak hendak menjual kek apa?
14.	Mastura	Berjenis-jenis kek untuk majlis hari ulang tahun, perkahwinan dan banyak lagi.
15.	Anita	Adakah awak akan menjual biskut untuk hari raya juga?
16.	Mastura	Mestilah Anita. Saya akan menjual biskut raya juga.
17.	Anita	Bolehlah saya tempah kuih raya dari kedai awak.
18.	Mastura	Sudah tentu boleh. Boleh saya tempah baju di kedai awak?
19.	Anita	Boleh. Saya tempah kek dari awak dan awak tempah baju dari kedai saya.
20.	Mastura	Baik sekali cadangan awak itu.

SKRIP VIDEO 8

Apa Menunya?

No	Watak	Ujaran
1.	Mastura	Baiklah, Cikgu telah meminta kita membincangkan makanan yang akan dijual di restoran kita. Apa saranan kawan-kawan?
2.	Anita	Mastura, saya rasa kita harus jual makanan Melayu seperti nasi lemak, mi rebus, nasi ayam dan mi siam.
3.	Rudi	Mengapa makanan Melayu sahaja, Anita?
4.	Anita	Ramai orang suka makan hidangan Melayu, Rudi.
5.	Saiful	Masakan Melayu memang sedap dan enak tetapi, kata Cikgu, masakannya mengandungi banyak lemak.
6.	Anita	Kita boleh menggantikan bahan yang berlemak seperti santan dengan susu dan kurangkan garam.
7.	Mastura	Kalau begitu, saya setuju. Rudi dan Saiful pula bagaimana?
8.	Rudi	Kita juga boleh letak menu makanan ringan seperti burger dan sandwic.
9.	Saiful	Bagus juga cadangan awak itu Rudi. Mastura, Anita, awak setuju?
10.	Anita	Restoran kita juga ada menjual beraneka sup seperti sup sayur, sup ikan dan sup...sup... (Anita terberhenti mencari-cari idea)
11.	Rudi	Mi sup, mi kuah...
12.		Mereka ketawa bersama-sama.
13.	Saiful	Awak lucu Rudi.
14.	Mastura	Baiklah, semua setuju. Mari kita fikirkan jenis minuman pula.
15.	Rudi	Kalau makanan dah sihat, minuman pun mestilah sihat juga.
16.	Anita	Ais kacang, air bandung, cendol...ehm...sedapnya!
17.	Mastura	Anita, minuman sihatlah! Saya sarankan kita menjual minuman yang sihat seperti jus buah-buahan.
18.	Rudi	Kita juga boleh sarankan minuman yang kurang mengandungi gula dan tidak bergas.
19.	Mastura	Saya sangat setuju.
20.	Anita	Kita tidak menjual minuman kegemaran sayalah. Rugi kawan-kawan kalau tidak suka ais kacang.
21.	Mastura	Kalau kita hendak menjual ais kacang, kita kurangkan gula.
22.	Mastura	Kita gantikan santan dengan susu untuk cendol, setuju kawan-kawan?
23.	Anita	Saya setuju!
24.	Saiful	Wah cepat betul awak kata setuju! Gembiranya awak.
25.	Semua	Tergelak.
26.	Mastura	Baiklah, mari kita selesaikan kerja kita ini bersama-sama.

SKRIP VIDEO 9

Jemput Makan

No	Watak	Ujaran
1.	Ayah Anita	Kak Long.
2.	Asmah	Saya, Ayah.
3.	Ayah	Kak Long boleh tolong ibu di dapur. Ajak adik sekali. Hari ini kita ada tetamu.
4.	Asmah	Siapa yang akan datang, Ayah?
5.	Ayah Anita	Keluarga Mak Busu dari Tampines.
6.	Asmah	Baik, Ayah Adik, mari kita bantu ibu di dapur?
7.	Anita	Sebentar Kak Long, Anita simpan dahulu buku ini, ya.
8.	Anita	Sedapnya bau kuih-muih ini. Boleh Anita makan dengan Mak Busu nanti?
9.	Ibu Anita	Boleh, tetapi Anita harus menjemput Mak Busu makan dahulu, barulah Anita boleh makan.
10.	Asmah	Ya...kita juga harus menjemput ibu dan ayah...barulah kita boleh mengambil makanan.
11.	Anita	Kita harus dahulukan orang yang lebih tua daripada kita, ya Kak.
12.	Ayah	Itu namanya bersopan-santun dan berbudi-bahasa.
13.	Anita	Kalau kita makan, ambil makanan yang terdekat dengan kita dahulu.
14.	Asmah	Mengapa kita harus mengambil makanan yang lebih dekat dengan kita, Anita?
15.	Anita	Supaya makanan tidak tumpah.
16.	Ibu	Dan kita tidak dianggap gelojoh.
17.	Asmah	Pandai adik, Kakak ini.
18.	Anita	Ibu, Anita hendak tolong ibu, boleh?
19.	Ibu	Sudah tentu boleh. Kak Long tolong ibu susun pinggan di atas meja. Anita pula boleh tolong ibu susunkan kuih-muih di atas piring.
20.	Asmah dan Anita	Baik, ibu.
21.	Ayah	Macam itulah anak-anak ayah. Kalau kita membuat kerja bersama-sama, cepatlah kerja dapat diselesaikan.
22.	Asmah dan Anita	Betul, betul Ayah.
23.	Ayah	Ibunya, biar saya bantu ibu menyusun makanan.
24.	Ibu	Baik, sayang.

SKRIP VIDEO 10

Bersukan Bersama Rakan

No	Watak	Ujaran
1.	Amir	Farhan, Farhan!
2.	Farhan	Oh Amir! Apa khabar?
3.	Amir	Khabar baik. Awak dari mana?
4.	Farhan	Saya ke kedai membeli telur dan gula untuk ibu saya.
5.	Amir	Saya baru selesai bermain bola sepak bersama Rudi, Saiful dan rakan-rakan yang lain.
6.	Farhan	Awak bermain pada setiap hujung minggu?
7.	Amir	Ya, kadang-kadang hari Sabtu dan ada juga pada hari Ahad. Awak suka bermain bola sepak, Farhan?
8.	Farhan	Suka. Sebelum saya berpindah ke sini, saya juga bermain dengan jiran-jiran saya. Awak bermain di mana?
9.	Amir	Kami bermain di padang di hadapan blok Saiful. Awak hendak bermain dengan kami?
10.	Farhan	Saya boleh bermain sama?
11.	Amir	Boleh, awak jiran saya dan juga rakan sekolah saya.
12.	Farhan	Rakan-rakan yang lain tidak marah awak ajak saya?
13.	Amir	Mereka tentu gembira. Lebih ramai lebih baik. Lagipun mereka kawan-kawan kita juga.
14.	Farhan	Baiklah. Minggu hadapan awak hendak bermain pada hari apa?
15.	Amir	Kami hendak bermain pada hari Sabtu. Bolehlah awak bermain sama.
16.	Farhan	Awak bermain dari pukul berapa?
17.	Amir	Kami bermain pada pukul 9.30 pagi hingga pukul 11.00 pagi.
18.	Farhan	Saya ada kelas mengaji pada pukul 8.00 pagi dan selesai pukul 9.00 pagi.
19.	Amir	Kalau begitu bolehlah awak bermain sama.
20.	Farhan	Boleh awak tunggu saya jika saya terlambat sedikit.
21.	Amir	Boleh. Jangan lupa pakai baju bola bukan baju kurung.
22.	Farhan	Pakai kasut bola bukan selipar.
23.	Amir	Marilah kita pulang. Ibu kita risau jika kita balik lambat.

SKRIP VIDEO 11 Kad Raya Kita

No	Watak	Ujaran
1.	Mastura	Anita, Cikgu menyuruh kita membuat sekeping kad hari raya.
2.	Anita	Apakah bahan-bahan yang kita hendak gunakan, Mastura?
3.	Mastura	Cikgu suruh kita membawa kad raya yang lama. Saya ada membawanya.
4.	Anita	Kita boleh gunting gambarnya dan tampal di kertas yang baharu.
5.	Mastura	Kita juga boleh lukis gambar yang lain. Awak setuju, Anita?
6.	Anita	Setuju. Mari kita mulakan. Boleh kita pilih gambarnya dahulu?
7.	Mastura	Awak pilih gambar dan saya gunting kertas ini untuk kad raya kita.
8.	Anita	Baiklah. (Kedua-duanya memulakan kerja mereka)
9.	Mastura	Anita, saya hendak pilih gambar masjid, bulan dan bintang ini. Boleh tak?
10.	Anita	Tentu boleh. Saya suka. Boleh kita tambah beberapa gambar lagi?
11.	Mastura	Banyak sangat gambarlah Anita.
12.	Anita	Kita boleh tampal di belakangnya juga. Awak setuju?
13.	Mastura	Baiklah. Ada gambar ketupat. Awak hendak gambar yang ini?
14.	Anita	Gambar ketupat pun bagus untuk kad hari raya.
15.	Mastura	Baiklah, saya gunting gambar ketupat ini juga.
16.	Anita	Mastura kita hendak tulis apa di kad ini?
17.	Mastura	Kita tulis, Selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir dan batin...
18.	Anita	Wah, pandai awak Mastura! Saya hendak tambahlah. 'Semoga gembira pada hari raya bersama keluarga'
19.	Mastura	Wah, awak pun pandai juga!
20.	Anita	Selain ucapan, saya juga hendak menghias keliling kad kita ini dengan lampu colok.
21.	Mastura	Lampu colok? Apa itu lampu colok? Lampu kelap-kelip?
22.	Anita	Bukan. Lampu colok itu lampu yang dibuat daripada minyak tanah. Saya ada gambarnya di sini. Lihatlah.
23.	Mastura	Oh, ini lampu colok! Pasti cantik kad raya kita ini.
	Anita	Sudah tentu, kita yang merekannya. Marilah kita menyiapkan kad raya ini.

SKRIP VIDEO 12

Berapakah Harganya?

No	Watak	Ujaran
1.	Farhan	Farhan berada di kedai runcit. Dia melihat sekeliling kedai dan sedang mencari barang yang hendak dibeli.
2.	Farhan	Abang, di mana tempat susu?
3.	Pekedai	Adik hendak membeli susu apa?
4.	Farhan	Ada bermacam jenis susukah?
5.	Pekedai	Ya ada. Ada susu pekat, susu cair, susu rendah lemak dan berjenis-jenis lagi. Adik hendak beli susu yang mana satu?
6.	Farhan	Emak saya menyuruh saya membeli susu rendah lemak.
7.	Pekedai	Kalau susu rendah lemak, ada di rak belakang.
8.	Farhan	Terima kasih ya, Bang.
9.	Farhan	Ini rupanya susu rendah lemak. Sekarang saya hendak membeli roti berserat pula.
10.	Farhan	Banyaknya jenis roti. Yang mana satu yang berserat?
11.	Farhan	Bang, maaf ya, boleh tolong saya sekali lagi?
12.	Pekedai	Boleh, adik hendak beli apa lagi?
13.	Farhan	Saya hendak beli roti berserat tetapi saya tidak tahu yang mana satu?
14.	Pekedai	Ini roti berserat. Ada lagi yang adik hendak beli? Abang boleh bantu.
15.	Farhan	Itu sahaja Bang. Berapa harga susu dan roti ini?
16.	Pekedai	Kesemuanya empat dolar lima puluh sen.
17.	Farhan	Ini lima dolar, Bang.
18.	Pekedai	Ini bakinya, lima puluh sen.
19.	Farhan	Terima kasih, Bang kerana membantu saya.
20.	Pekedai	Sama-sama.